Abdul Wahab bin Abdullah lwn Ketua Polis Negara & satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (TAIPING) — USUL PEMULA NO 25–18 TAHUN 1998(T)
ZULKEFLI H
15 NOVEMBER 1999

Undang-Undang Pentadbiran *— Hak dan liabiliti kakitangan kerajaan — Pemecatan — Pemecatan konstabel polis yang diletak di bawah perintah sekatan — Sama ada Perintah-Perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Bab D 1980 telah dipatuhi — Sama ada hak untuk didengar perlu diberikan — Sama ada mahkamah boleh mencabar kesahan perintah sekatan — Sama ada wujud mala fide di pihak responden — Sama ada Ketua Polis Perak mempunyai kuasa pemecatan — Perlembagaan Persekutuan proviso (d) perkara 135(2), 140(6) (b) & 144(6) — Perintah-Perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Bab D 1980 perintah am 26(2), 34 & 35*

Pemohon, sehingga tarikh pembuangan kerjanya, adalah seorang anggota polis berpangkat konstabel. Pada 12 Jun 1992, pemohon telah diletak di bawah satu perintah sekatan yang dibuat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri di bawah s 4A(1) Ordinan Darurat 1969. Pembuangan kerja pemohon dibuat melalui surat bertarikh 24 Jun 1992 yang dikeluarkan oleh Ketua Polis Perak. Antara isu-isu yang dibangkitkan adalah: (i) sama ada prosedur di dalam Perintah-Perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Bab D 1980 ('Perintah Am Bab D 1980') telah dipatuhi sebelum beliau dibuang kerja; (ii) sama ada perintah am 34(2) — iaitu prosedur penggantungan kerja terlebih dahulu sebelum dibuang kerja — adalah bersifat mandatori; (iii) sama ada hak untuk didengar perlu diberikan sebelum beliau dipecat; (iv) sama ada suatu kes prima facie perlu dibuktikan menurut perintah am 26(2) sebelum pemohon dipecat; (v) sama ada isu mengenai kesahan perintah sekatan tersebut boleh dicabar mahkamah di dalam permohonan ini; (vi) sama ada wujud mala fide di pihak responden; dan (vii) sama ada Ketua Polis Perak mempunyai kuasa pemecatan.

Diputuskan, menolak permohonan tersebut:

(1) Walaupun kehendak peruntukan perintah am 34(2) tidak dilaksanakan terhadap pemohon, ketidakpatuhan prosedur gantung kerja itu tidak menyebabkan keputusan yang diambil menjadi tidak sah atau terbatal. Ia hanyalah berbentuk 'directive' atau 'procedural' dan tidak mandatori (lihat ms 219G). Peruntukan gantung kerja di bawah perintah am 34(2) hanyalah satu 'formality' yang, jikapun dipatuhi, tidak akan dan tidak boleh memberi apa-apa kesan kepada keputusan buang kerja pemohon (lihat ms 220G).

(2) Fakta yang nyata dan tidak tercabar adalah bahawa pemohon telah diletakkan di bawah perintah sekatan, dan dengan itu,

pemohon adalah tertakluk kepada peruntukan proviso (d) kepada perkara 135(2) dan juga perintah am 35(1) yang memberi kuasa budi bicara kepada pihak berkuasa tatatertib untuk membuang kerja pemohon tanpa memberinya peluang untuk didengar. Mahkamah berpendapat tindakan Ketua Polis Perak dalam membuang kerja pemohon tanpa memberinya peluang untuk didengar adalah sah dan teratur. Perintah am 26(2) adalah tidak relevan dan tidak terpakai dalam kes pemohon atas alasan bahawa tindakan pembuangan kerja pemohon telah dibuat di bawah perintah am 35(1) (lihat ms 221D–F).

(3) Persoalan sama ada atau tidak perintah sekatan terhadap pemohon adalah sah, tidak menjadi isu dalam kes pemohon ini. Oleh itu, mahkamah bukanlah forum yang boleh digunakan untuk mencabar kesahihan perintah sekatan tersebut. Dakwaan pemohon adalah bahawa responden telah mengingkari prinsip keadilan asasi dalam membuat keputusan, jadi seharusnya perkara yang menjadi pertikaian adalah pembuangan kerja pemohon dan bukan penahanannya (lihat ms 221F–H).

(4) Pembuangan kerja pemohon adalah berasaskan perintah sekatan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri. Ketua Polis Perak, sebagai pihak berkuasa tatatertib tidak terlibat langsung dalam pengeluaran perintah sekatan tersebut. Ketua Polis Perak berhak untuk mengambilkira mengenai latar belakang penangkapan pemohon serta perintah sekatan untuk menentukan setakat mana pemohon telah memburukkan nama pasukan polis. Oleh itu, isu mengenai mala fide di pihak responden adalah tidak berasas sama sekali dan hendaklah ditolak (lihat ms 222C–E).

(5) Isu tentang kesahan kuasa pemecatan yang dibuat oleh Ketua Polis Perak terhadap pemohon tidak dinyatakan oleh pemohon dalam pernyataan yang difailkan olehnya di bawah A 53 k 1(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Setiap permohonan yang dibuat di bawah A 53 k 1(2) tersebut hendaklah menyatakan alasan-alasan di dalam pernyataan tersebut. Afidavit yang difailkan untuk menyokong permohonan itu hendaklah terbatas kepada alasan-alasan yang dikemukakan. Dan ia juga tiada kaitan langsung dengan persoalan prinsip keadilan asasi yang menjadi tunggak permohonan pemohon (lihat ms 222E–G).

(6) Seseorang itu boleh dibuang kerja oleh pihak berkuasa yang diwakilkan kuasa oleh suruhanjaya perkhidmatan polis. Perwakilan kuasa oleh suruhanjaya perkhidmatan polis boleh dibuat di bawah perkara 140(6)(b) dan perkara 144(6) Perlembagaan Persekutuan. Ketua Polis Perak mempunyai kuasa yang diwakilkan kepadanya secara sah oleh suruhanjaya perkhidmatan polis untuk membuang kerja pemohon (lihat ms 223D–E, 224E).

[English summary

The applicant, till the date of his dismissal, was a police servant with the rank of a constable. On 12 June 1992, the applicant was placed under a detention order made by the Deputy Home Minister under s 4A(1) of the Emergency Ordinance 1969. The applicant's dismissal was made through a letter dated 24 June 1992 issued by the Perak Chief Police Officer. Among the issues raised were: (i) whether the procedure in the General Orders of Public Servants (Conduct and Discipline) Chapter D 1980 ('General Orders Chapter D 1980') was complied with before he was dismissed; (ii) whether the general order 34(2) — ie suspension of work prior to dismissal — was of a mandatory nature; (iii) whether the right to be heard must be given before dismissal; (iv) whether a prima facie case must be proved in accordance with general order 26(2) before the applicant is dismissed; (v) whether the issue of the validity of the detention order could be challenged by court in this application; (vi) whether there exist mala fide on the part of the respondent; and (vii) whether the Perak Chief Police Officer has power to dismiss.

Held, dimissing the application:

(1) Even though the requirement of general order 34(2) was not imposed upon the applicant, non-compliance of the work suspension procedure did not render the decision taken to be not valid or void. It was merely of a 'directive' or 'procedural' nature and not mandatory (see p 219G). The work suspension provision under general order 34(2) was only a 'formality' which, even if complied with, would not and could not give any effect to the decision to dismiss the applicant (see p 220G).

(2) The clear and unchallenged fact was that the applicant had been placed under a detention order, and as such, the applicant was subjected to the provision of proviso (d) to art 135(7) and also general order 35(1) which provides discretionary power to the disciplinary authority to dismiss the applicant without giving him an opportunity to be heard. The court was of the view that the Perak Chief Police Officer in dismissing the applicant without giving him an opportunity to be heard was valid and in order. General order 26(2) was irrelevant and not applicable to the applicant's case on the grounds that the act of dismissing the applicant was made under general order 35(1) (see p 221D–F).

(3) The issue of whether or not the detention order on the applicant was valid, was not an issue in this applicant's case. Therefore, the court was not a forum which can be used to challenge the validity of the detention order. The allegation of the applicant was that the respondent had breached the principle of natural justice in making the decision, therefore the matter which should be disputed was the dismissal of the applicant and not his detention (see p 221F–H).

(4) The applicant's dismissal was based on the detention order issued by the Deputy Home Minister. The Perak Chief Police Officer, as the disciplinary authority was not involved at all in the issuance of the detention order. The Perak Chief Police Officer was entitled to consider the background of the applicant's detention and also the detention order as to determine the extent the applicant had tarnished the goodwill of the police force. Therefore, the issue of mala fide on the part of the respondent was totally baseless and should be rejected (see p 222C–E).

(5) The issue of the validity of the power of the Perak Chief Police Officer to dismiss the applicant was not stated by the applicant in his statement filed under O 53 r 1(2) of the Rules of the High Court 1980. Each application made under O 53 r 1(2) should state the grounds in the application. The affidavit filed to support the application should be limited to the grounds submitted. And there was also no link at all with the issue of the principle of natural justice which was paramount to the applicant's application (see p 222E–G).

(6) A person could be dismissed by an authority delegated to do so by the police service commission. Such delegation of authority by the police service commission could be made under art 140(6)(b) and art 144(6) of the Federal Constitution. The Perak Chief Police Officer has the authority which is validly delegated to him to dismiss the applicant (see pp 223D–E, 224E).]

Nota-Nota

Bagi kes pemecatan kakitangan kerajaan, sila lihat 1 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1998 Reissue) perenggan-perenggan 519–543.

Kes-kes yang dirujuk

B Surinder Singh Kanda v The Government of the Federation of Malaya [1962] MLJ 169 (dirujuk)

Council of Civil Service Union v Minister for the Civil Service [1985] AC 374 (dirujuk)

Dr A Dutt v Assunta Hospital [1981] 1 MLJ 304 (dirujuk)

Ghazi bin Mohd Sawi v Mohd Haniff bin Omar Ketua Polis Negara, Malaysia [1994]2 MLJ 114 (dirujuk)

Government of Malaysia v Iznan bin Osman [1977] 2 MLJ 1 (dirujuk)

Narinder Singh v Ketua Polis Daerah Georgetown [1997] 1 CLJ Supp 592 (dirujuk)

Puvaneswaran v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia [1991] 3 MLJ 28 (dirujuk)

Said Dharmalingam Abdullah v Malayan Breweries (Malaya) Sdn Bhd [1997] 1 MLJ 352 (dirujuk)

Selvaraju all Ponniah v Suruhanjava Perkhidmatan Awam, Malaysia & Anor [1999] 5 MLJ 678 (dirujuk)

Tan Tek Seng v Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan & Anor [1996] 1 MLJ 261 (dirujuk) A

Wong Keng Sam & Ors v Pritam Singh Brar [1968] 2 MLJ 158 (dirujuk)

Zainal bin Hashim v Government of Malaysia [1979] 2 MLJ 276 (dirujuk)

B

Perundangan yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 53 k 1(2)

Ordinan Darurat 1969 ss 4A(1), 4(4)(c)

Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 s 3(1) C

Perintah-Perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Bab D 1980 perintah am 26(2), 30(1)(b), Bahagian III Peruntukan-Peruntukan Khas

Perlembagaan Persekutuan perkara 135(1), (2), 140(6)(b), 144(6)

Manjit Singh (*Paramjit & Co*) bagi pihak pemohon. D

Raja Rozela bte Raja Toran (Federal Counsel) bagi pihak responden-responden.

Zulkefli H:

Tuntutan pemohon E

Ini adalah suatu permohonan oleh pemohon melalui notis usul untuk suatu perintah certiorari bahawa perintah buang kerja terhadap pemohon oleh Ketua Polis Perak bertarikh 25 Jun 1992 dibatalkan dan relif lanjutan atau lain-lain relif yang mahkamah ini anggap sesuai diberi kepada pemohon atas alasan bahawa perintah buang kerja tersebut telah dibuat dengan cara tidak teratur dan ia adalah tidak sah dari segi undang-undang. F

Fakta-fakta yang tidak dipertikaikan

Pemohon, sehingga tarikh pembuangan kerjanya, adalah seorang anggota polis berpangkat konstabel dan telah ditangkap pada 16 April 1992 di bawah s 3(1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah G Jenayah) 1969 ('Ordinan Darurat 1969'). Berikutan penangkapan beliau itu, pemohon telah ditahan kerja di bawah perintah am 30(1)(b) Perintah-Perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Bab D 1980 ('Perintah Am Bab D 1980'). Pada 12 Jun 1992, pemohon telah diletak di bawah satu Perintah Sekatan yang dibuat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri di bawah s 4A(1) Ordinan Darurat 1969. Pembuangan kerja H pemohon dibuat melalui surat bertarikh 24 Jun 1992 yang dikeluarkan oleh Ketua Polis Perak ketika itu iaitu Dato' Hj Aba Robiyel Huk.

Kes pemohon

Pemohon mendakwa bahawa pihak berkuasa tatatertib bagi pihak responden telah gagal menyerahkan kepada pemohon satu kenyataan I bertulis mengenai alasan-alasan untuk memecat pemohon dan yang menyatakan bahawa pemohon dikehendaki dalam tempoh 14 hari dari

A tarikh penerimaan surat representasi menyatakan secara bertulis alasan-alasan pemohon akan bergantung untuk membebaskan dirinya daripada tuduhan seperti yang diperuntukkan di bawah perintah am 26(2) Perintah Am Bab D 1980. Atas kegagalan pihak responden berbuat demikian pemohon menyatakan bahawa beliau langsung tidak diberi peluang untuk membuat sebarang representasi untuk membela dirinya secara bertulis
B sebelum dipecatkan dari jawatannya. Pemohon juga telah membangkitkan mengenai isu kes 'prima facie' yang diperuntukkan di bawah perintah am 26(2) tersebut di mana dihujahkan bahawa satu kes 'prima facie' perlu diwujudkan sebelum pemohon boleh dipecat. Perintah am 26(2) memperuntukkan seperti berikut:

C

> The Appropriate Disciplinary Authority shall, after considering all the available information in its possession that there is a prima facie case for dismissal or reduction in rank, cause to be sent to the officer a statement in writing prepared, if necessary, with the aid of the Legal Department of the ground or grounds on which it is proposed to dismiss the officer or reduce him in rank and shall call upon him to state in writing within a period of not less
D than fourteen days from the date of receipt of the letter a representation containing grounds upon which he relies to exculpate himself.

Pihak pemohon selanjutnya berhujah bahawa pihak responden tidak dapat mewujudkan satu kes prima facie dengan hanya berdasarkan kepada dokumen-dokumen atau pernyataan-pernyataan yang telah diberi kepada
E pihak responden dan yang bukannya daripada pemohon.

Pihak pemohon juga mendakwa bahawa beliau telah tidak diberi hak untuk membuat representasi di sisi undang-undang mengikut peruntukan s 4(4)(c) Ordinan Darurat 1969 semasa Perintah Sekatan dikeluarkan terhadapnya. Seksyen 4(4)(c) Ordinan Darurat 1969 memperuntukkan seperti berikut:

F

> (4) Whenever any person is detained under a detention order he shall in accordance with Article 151 of the Constitution, as soon as may be:
> (a) ...
> (b) ...
> (c) be given the opportunity of making representation against the order
G as soon as may be.

Peguam pemohon berhujah bahawa keperluan di bawah s 4(4)(c) ini adalah suatu peruntukan mandatori. Di atas kegagalan pihak responden mematuhi kehendak peruntukan mandatori ini pemohon mendakwa bahawa penahanan beliau di bawah perintah sekatan tersebut dengan sendirinya
H adalah tidak sah. Atas alasan ini juga perintah buang kerja yang berdasarkan kepada perintah sekatan adalah tidak sah.

Pihak pemohon juga mendakwa bahawa pemecatan beliau telah dibuat secara mala fide. Ini adalah kerana dengan hanya berdasarkan syak wasangka perintah sekatan tersebut telah dikeluarkan terhadap pemohon dan pemohon tidak pernah dituduh di atas sesuatu kesalahan jenayah
I ataupun dihukum. Pemohon juga mendakwa beliau mempunyai satu rekod perkhidmatan yang bersih dan fakta ini tidak dipertikaikan oleh pihak responden.

Seterusnya pihak pemohon mendakwa bahawa perintah buang kerja terhadapnya sepatutnya dibuat oleh suruhanjaya perkhidmatan polis dan bukannya oleh Ketua Polis Perak. Pihak pemohon dalam hal ini telah merujuk kepada peruntukan perkara 135(1) Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi seperti berikut:

> (1) No member of any of the services mentioned in para (b) to (h) of cl 1 of Article 132 shall be dismissed or reduced in rank by an authority subordinate to that which, at the time of the dismissal or reduction, has power to appoint a member of that service of equal rank.

Pihak peguam pemohon telah berhujah bahawa oleh kerana Ketua Polis Perak adalah suatu pihak berkuasa yang lebih rendah daripada suruhanjaya perkhidmatan polis maka Ketua Polis Perak tidak boleh memecat pemohon kerana beliau tidak mempunyai kuasa untuk melantik pemohon.

Kes responden-responden

Pihak responden menghujahkan bahawa pembuangan kerja pemohon pada 25 Jun 1992 telah dibuat dengan secara teratur dan sah di sisi undang-undang. Secara khusus pihak responden menyatakan bahawa ia telah mematuhi kehendak peruntukan-peruntukan perintah am 34 dan perintah am 35 Perintah Am Bab 'D' 1980 dalam melaksanakan prosedur buang kerja terhadap pemohon.

Pendapat-pendapat mahkamah

Permohonan pemohon pada asasnya dibuat atas alasan bahawa pihak responden telah mengingkari prinsip keadilan asasi dalam membuat keputusan buang kerja tersebut. Prinsip undang-undang berhubung dengan semakan kehakiman adalah jelas bahawa fungsi mahkamah adalah untuk mengkaji dan menentukan bahawa prosedur yang diikuti oleh Ketua Polis Perak tersebut adalah teratur mengikut peruntukan undang-undang yang telah ditetapkan. Dalam ertikata lain, mahkamah perlu melihat kepada 'the decision-making process' dan memastikan bahawa tindakan yang diambil tidak melampaui batas undang-undang dan tidak melanggari prinsip keadilan asasi. Dalam hal ini saya ingin merujuk kepada kes *Ghazi bin Mohd Sawi v Mohd Haniff bin Omar*. Ketua Polis Negara, Malaysia [1994] 2 MLJ 114 di mana Mahkamah Agung telah menerimapakai prinsip-prinsip yang telah diputuskan dalam kes *Council of Civil Service Union v Minister for the Civil Service* [1985] AC 374; yang membincangkan mengenai, antara lain, fungsi mahkamah dalam menyemak semula keputusan administratif yang dicabar atas alasan 'procedural impropriety'. Dalam kes *Council of Civil Service Union v Minister for the Civil Service* tersebut, Lord Roskill menyebut, antara lain, di ms 415 bahawa:

> ... It is not for the courts to determine whether a particular policy or particular decision taken in fulfilment of that policy are fair. They are only concerned with the manner in which those decisions have been taken, and the extent of the duty to act fairly will vary greatly from case to case as indeed the decided cases since 1950 consistently show....

A Berdasarkan kes *Ghazi* tersebut, adalah pandangan saya bahawa persoalan sama ada keputusan yang diambil oleh Ketua Polis Perak untuk membuang kerja pemohon adalah betul atau tidak, tidak wajar disentuh oleh mahkamah selagi mahkamah berpuas hati bahawa tindakan dan prosedur yang telah diikuti oleh Ketua Polis Perak dalam mengambil keputusan tersebut mematuhi kehendak undang-undang. Saya mendapati dalam kes B ini prosedur membuat keputusan yang diikuti oleh Ketua Polis Perak adalah betul, iaitu dengan mematuhi kehendak peruntukan perintah-perintah am 34 dan 35 Perintah Am Bab D 1980. Dari segi skop pemakaiannya saya mendapati kedua-dua perintah-perintah am 34 dan 35 ini telah diletakkan di bawah 'Bahagian III Peruntukan-peruntukan Khas' Perintah Am Bab D 1980 tersebut. Peruntukan-peruntukan ini dikhaskan C untuk dipakai dalam hal keadaan di mana seseorang pegawai telah diletakkan di bawah sesuatu perintah sekatan, perintah pengawasan dan sebagainya yang dikeluarkan di bawah undang-undang yang berkaitan dengan keselamatan dalam negeri atau pencegahan jenayah dan lain-lain undang-undang yang seumpamanya. Perintah am 34(1) mengkehendaki D laporan berkaitan penahanan pegawai berkaitan berserta rekod perkhidmatannya dikemukakan oleh ketua jabatan kepada pihak berkuasa tatatertib. Perintah am 34(2) memperuntukkan kuasa kepada pihak berkuasa tatatertib untuk menggantung kerja pegawai berkaitan sebaik sahaja menerima laporan ketua jabatan serta rekod perkhidmatan pegawai berkaitan. Perintah am 35(1) memberi kuasa budi bicara kepada pihak E berkuasa tatatertib untuk membuang kerja pemohon tanpa memberinya peluang untuk didengar. Saya mendapati bahawa prosedur-prosedur yang diperuntukkan di bawah perintah-perintah am 34 dan 35 Bab D 1980 telah dipatuhi oleh Ketua Polis Perak dalam mencapai keputusan pembuangan kerja pemohon. Tidak dipertikaikan faktor bahawa pemohon telah ditangkap dan seterusnya diletakkan di bawah perintah sekatan mengikut F Ordinan Darurat 1969. Dalam memenuhi kehendak perintah am 34(1) Ketua Polis Perak telah mengambil kira laporan ketua jabatan berserta rekod perkhidmatan pemohon. Walaupun beliau mendapati bahawa rekod perkhidmatan pemohon tidak mencatatkan apa-apa rekod jenayah, beliau berpendapat bahawa penahanan pemohon di bawah perintah sekatan tersebut telah menjejaskan reputasi pasukan polis.

G Dalam kes ini sungguhpun kehendak peruntukan perintah am 34(2) tidak dilaksanakan terhadap pemohon, saya berpendapat ketidakpatuhan prosedur gantung kerja itu tidak menyebabkan keputusan yang diambil menjadi tidak sah atau terbatal. Peruntukan tersebut hanyalah berbentuk 'directive' atau 'procedural' dan tidak mandatori. Peruntukan tersebut H digubal sebegitu rupa untuk tidak memberi apa-apa efek yang boleh menyebabkan berlakunya percanggahan dengan hak untuk didengar di bawah perkara 135(2) Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini saya ingin merujuk kepada kes-kes *Narinder Singh v Ketua Polis Daerah Georgetown* [1997] 1 CLJ Supp 592 dan *Zainal bin Hashim v Government of Malaysia* [1979] 2 MLJ 276. Kes *Narinder* memperlihatkan kegagalan pihak berkuasa I tatatertib untuk memberi notis 14 hari mengenai pertuduhan kepada pegawai terlibat. Ia satu perlanggaran prosedur di bawah s 3(4) Police (Conduct & Discipline) (Junior Police Officers & Constables) Regulations

1970, yang mana telah menjejaskan secara langsung hak untuk didengar pegawai berkaitan di bawah perkara 135(2) Perlembagaan Persekutuan. Vincent Ng H dalam kes *Narinder*, dalam hal perkara ini setelah merujuk kepada kes-kes *Wong Keng Sam & Ors v Pritam Singh Brar* [1968] 2 MLJ 158 dan *Puvaneswaran v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia* [1991] 3 MLJ 28 menyatakan antara lain seperti berikut:

> 1 ... this authority clearly reaffirms the principle that except and safe for cases where art 135(2) are applicable, ie in cases of dismissal of civil servants, procedural rules are not mandatory but merely directory ... .
>
> (lihat ms 596 kes *Narinder*)
>
> 2 ... It is clear that a distinction has to be drawn between procedural requirements which have direct relevance to and affect fundamental rights as enshrined in art 135(2) of the Federal Constitution and those which do not ... .
>
> (lihat ms 597 kes *Narinder*)

Kes *Zainal bin Hashim* pula memperlihatkan kegagalan pihak berkuasa tatatertib untuk mematuhi peruntukan perintah am 34(1) Perintah-Perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Bab 'D' 1969 yang mengkehendakkan ketua jabatan untuk memohon salinan nota prosiding dari mahkamah. Mahkamah Privy Council dalam kes *Zainal bin Hashim* memutuskan antara lain seperti berikut:

> although there was a failure to comply with the procedure laid down. It did not appear that compliance with it would in this case have served any useful purpose and non-compliance did not therefore render the dismissal invalid.

Kes-kes *Narinder* dan *Zainal bin Hashim* yang dirujuk di atas membolehkan mahkamah ini menimbang sama ada ketinggalan atau 'omission' di pihak Ketua Polis Perak untuk menggantung kerja pemohon, boleh membawa kesan kepada haknya untuk didengar di bawah perkara 135(2) Perlembagaan Persekutuan. Adalah pandangan saya bahawa sama ada pemohon digantung kerja atau tidak, tidak memberi apa-apa kesan kepada haknya itu. Gantung kerja bukanlah satu hukuman tatatertib tetapi hanya satu tindakan administratif, jadi walaupun tidak dilaksanakan, ia tidak menjejaskan hak asasi pemohon.

Seterusnya saya berpendapat bahawa peruntukan gantung kerja di bawah perintah am 34(2) ini, hanyalah satu 'formality' yang jikapun dipatuhi tidak akan dan tidak boleh memberi apa-apa kesan kepada keputusan buang kerja pemohon (lihat kes *Said Dharmalingam Abdullah v Malayan Breweries (Malaya) Sdn Bhd* [1997] 1 MLJ 352). Kegagalan mematuhi suatu prosedur yang tidak mandatori seperti perintah am 34(2) ini tidak boleh dijadikan alasan untuk membatalkan keputusan buang kerja pemohon.

Saya juga berpendapat kehendak peruntukan perintah am 35(1) telah dipatuhi oleh pihak responden. Tidak dinafikan peluang untuk didengar sebelum seseorang itu dibuang kerja atau turun pangkat memang terjamin sebagai hak asasi yang termaktub di bawah perkara 135(2) Perlembagaan Persekutuan dan jaminan ini ada diperuntukkan di bawah perintah am 23

A Perintah Am Bab D 1980. Walau bagaimanapun, hak tersebut boleh ditarik balik jika berlaku keadaan-keadaan seperti yang dinyatakan di dalam proviso (a), (b), (c) dan (d) di bawah perkara 135(2) tersebut.

Saya berpendapat perintah am 35(1) digubal untuk memberi efek kepada proviso (d) perkara 135(2) Perlembagaan Persekutuan berdasarkan
B penggunaan perkataan-perkataan: 'Notwithstanding anything in General Order 23 ...'. Perintah am 35(1) adalah terpakai dalam konteks perintah am 34(1) yang menyentuh mengenai keadaan seperti mana yang diperihal dalam perenggan (d) proviso kepada perkara 135(2), iaitu, di mana suatu perintah sekatan telah dibuat terhadap seorang pegawai. Dalam hal ini saya ingin merujuk kepada kes *Tan Tek Seng v Suruhanjaya Perkhidmatan*
C *Pendidikan & Anor* [1996] 1 MLJ 261. Dalam kes *Tan Tek Seng*, pegawai berkaitan telah didapati bersalah atas pertuduhan jenayah. Atas pemakaian proviso (a) kepada perkara 135(2) Perlembagaan Persekutuan, Mahkamah Rayuan telah mendapati bahawa pegawai berkaitan tidak lagi mempunyai hak untuk didengar dan justeru itu pembuangan kerja beliau di bawah perintah am 35(1) Perintah Am Bab D 1980 adalah sah. Dalam kes di
D hadapan Mahkamah ini sekarang fakta yang nyata dan tidak tercabar adalah bahawa pemohon telah diletakkan di bawah perintah sekatan, dan dengan itu adalah pandangan saya bahawa pemohon adalah tertakluk kepada peruntukan proviso (d) kepada perkara 135(2) dan juga perintah am 35(1). Oleh yang demikian saya berpendapat tindakan Ketua Polis Perak dalam
E membuang kerja pemohon tanpa memberinya peluang untuk didengar adalah sah dan teratur. Saya dengan ini juga menolak hujah peguam pemohon akan keperluan suatu surat representasi daripada pemohon dikemukakan kepada pihak berkuasa tatatertib dan keperluan suatu kes prima facie diwujudkan terhadap pemohon mengikut kehendak perintah am 26(2). Ini adalah kerana perintah am 26(2) adalah tidak relevan dan
F tidak terpakai dalam kes pemohon atas alasan bahawa tindakan pembuangan kerja pemohon telah dibuat di bawah perintah am 35(1).

Berhubung dengan perintah sekatan yang dikenakan terhadap pemohon di bawah Ordinan Darurat 1969, saya berpendapat bahawa persoalan sama ada atau tidak perintah sekatan terhadap pemohon adalah
G sah, tidak menjadi isu dalam kes pemohon ini. Mahkamah ini bukanlah forum yang boleh digunakan untuk mencabar kesahihan perintah sekatan tersebut. Mahkamah tidak sepatutnya diseret dalam persoalan tersebut dan hendaklah menjauhkan diri dari membincang mahupun memberi apa-apa pertimbangan terhadap persoalan ini, demi mengelak dari bertindak di luar batasan atau skop bidang kuasa penyemakan. Ingin ditambah bahawa
H pemohon seharusnya bertindak lebih awal untuk mencabar kesahihan perintah sekatan tersebut melalui suatu permohonan habeas corpus. Perlu diingat bahawa dakwaan pemohon adalah bahawa responden telah mengingkari prinsip keadilan asasi dalam membuat keputusan, jadi seharusnya perkara yang menjadi pertikaian adalah pembuangan kerja pemohon dan bukan penahanannya. Dalam hal ini saya ingin merujuk
I kepada kes *Selvaraju a/l Ponniah v Suruhanjava Perkhidmatan Awam, Malaysia & Anor* [1999] 5 MLJ 678 yang menimbulkan isu yang sama iaitu bahawa perintah tahanan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri adalah

tidak sah dan dengan itu pembuangan kerja plaintif juga hendaklah terbatal. Kamalanathan Ratnam H dalam penghakimannya berhubung dengan isu tersebut telah menyatakan antara lain di ms 685 seperti berikut: A

> I am of the view that the plaintiff ought to have proceeded with alacrity with a certificate of urgency if necessary to have had his application heard before his release. He ought to have raised the validity of the Deputy Minister's signature to the detention order at that forum and if the decision was in his favour then, to use that decision as a launch-pad for this action. Having let slip his opportunity then, he cannot now seek to challenge the validity through this Court. B

Pihak pemohon juga telah membangkitkan unsur mala fide di pihak responden dalam mengambil tindakan terhadapnya. Pemohon menyatakan bahawa beliau hanya disyaki dan tiada apa-apa pertuduhan dikenakan ke atasnya. Walau apapun, saya berpendapat pembuangan kerja pemohon adalah berasaskan perintah sekatan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri. Ketua Polis Perak, sebagai pihak berkuasa tatatertib tidak terlibat langsung dalam pengeluaran perintah sekatan tersebut. Begitu juga penangkapan pemohon di bawah Ordinan Darurat 1969 yang tiada langsung kaitannya dengan tindakan Ketua Polis Perak di bawah Perintah Am Bab D 1980. Pada masa yang sama adalah pandangan saya bahawa Ketua Polis Perak berhak untuk mengambilkira mengenai latar belakang penangkapan pemohon serta perintah sekatan untuk menentukan setakat mana pemohon telah memburukkan nama pasukan polis. Oleh hal yang demikian, isu mengenai mala fide di pihak responden adalah tidak berasas sama sekali dan hendaklah ditolak. C D E

Akhir sekali pihak pemohon juga telah membangkitkan isu tentang keesahan kuasa pemecatan yang dibuat oleh Ketua Polis Perak terhadap pemohon. Adalah diperhatikan bahawa isu ini langsung tidak dinyatakan oleh pemohon dalam pernyataan yang difailkan olehnya di bawah A53 k 1(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Adalah jelas bahawa setiap permohonan yang dibuat di bawah A 53 k 1(2) tersebut hendaklah menyatakan alasan-alasan di dalam pernyataan tersebut. Afidavit yang difailkan untuk menyokong permohonan itu hendaklah terbatas kepada alasan-alasan yang dikemukakan. (sila lihat kes *Dr A Dutt v Assunta Hospital* [1981] 1 MLJ 304 (FC)). Walau bagaimanapun jika diteliti isu ini ia tiada kaitan langsung dengan persoalan prinsip keadilan asasi yang menjadi tunggak permohonan pemohon. Dengan itu adalah pandangan saya mahkamah sepatutnya menolak penghujahan pemohon mengenai isu ini. Jikapun isu ini dibenarkan bangkit, adalah ditegaskan bahawa penghujahan pemohon berkaitannya adalah tidak berasas sama sekali. Pemohon dalam penghujahannya mendakwa bahawa Ketua Polis Perak tidak ada kuasa untuk membuang kerja pemohon kerana kuasa itu hanyalah diperuntukkan kepada suruhanjaya perkhidmatan polis. Atas dakwaan ini, pemohon bersandarkan kepada perkara 135(1) Perlembagaan Persekutuan serta dua kes autoriti yang berkaitan dengannya. Namun demikian, pemohon telah gagal untuk meneliti dan mengambil maklum keseluruhan peruntukan perkara 135(1) tersebut, khususnya kepada proviso tambahan kepada perkara 135(1) seperti berikut: F G H I

A Diperuntukan keseluruhan perkara 135(1) seperti berikut:

135 Restriction on dismissal and reduction in rank

(1) No member of any the services mentioned in para (b) to (h) of cl (1) of Article 132 shall be dismissed or reduced in rank by an authority subordinate to that which, at the time of the dismissal or reduction, has power to appoint a member of that service of equal rank:

B

Provided that in its application to members of the services mentioned in para (g) of clause (1) of Article 132 this clause shall not apply to any law which the legislature of any State, other than Penang and Malacca, may make to provide that all powers and functions of a Public Service Commission of such State, other than the power of first appointment to the permanent or pensionable establishment, be exercised by a Board appointed by the Ruler of such State:

C

And provided further that this clause shall not apply to a case where a member of any of the services mentioned in this clause is dismissed or reduced in rank by an authority in pursuance of a power delegated to it by a Commission to which this Part applies, and this proviso shall be deemed to have been an integral part of this cl as from Merdeka Day.

D

Dengan menafsirkan keseluruhan peruntukan tersebut di atas khususnya proviso tambahan adalah pendapat saya bahawa seseorang itu boleh dibuang kerja oleh pihak berkuasa yang diwakilkan kuasa oleh suruhanjaya yang berkaitan. Dalam kes ini sekarang perwakilan kuasa oleh suruhanjaya perkhidmatan polis boleh dibuat di bawah perkara 140(6)(b) dan perkara 144(6) Perlembagaan Persekutuan.

E

Perkara 140(6)(b) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan seperti berikut:

F

(6) The Police Force Commission may provide for all or any of the following matters.

(a) ...

(b) the duties and responsibilities of the several members of the Commission, including the delegation to any member of the Commission or the police force or board of officers of such force or a committee consisting of members of the Commission and of the force of its powers or duties.

G

Perkara 144(6) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan seperti berikut:

H

A Commission to which this Part applies may delegate to any officer in a service to which its jurisdiction extends or to any board of such officers appointed by it, any of its functions under cl (1) in respect of any grade of service, and that officer or board shall exercise those functions under the direction and the control of the Commission.

I

Melalui suatu suratcara perwakilan fungsi-fungsi, kuasa-kuasa, tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab tertentu yang diwartakan sebagai PU (B) 621/85 yang dikemukakan sebagai suatu ekshibit bagi pihak responden, saya mendapati suruhanjaya perkhidmatan polis telah

mewakilkan kuasanya yang berkaitan kepada Ketua Polis Perak untuk mengambil tindakan buang kerja terhadap pemohon. Setelah meneliti butiran suratcara perwakilan tersebut adalah didapati bahawa Ketua Polis Perak ketika itu yang berpangkat pemangku timbalan pesuruhjaya polis mempunyai kuasa untuk membuang kerja pemohon pada masa yang material.

Saya mendapati kedua-dua kes yang dirujuk oleh peguam pemohon berkaitan dengan isu ini, iaitu *B Surinder Singh Kanda v The Government of the Federation of Malaya* [1962] MLJ 169 dan *Government of Malaysia v Iznan bin Osman* [1977] 2 MLJ 1 adalah tidak relevan langsung memandangkan kedua-dua kes tersebut telah diputuskan sebelum kemasukan proviso tambahan dalam perkara 135(1). Proviso tambahan ini telah dimasukkan melalui Akta Pindaan Perlembagaan Persekutuan (Akta A354) berkuatkuasa pada 27 Ogos 1976. Berhubung dengan isu kuasa perwakilan ini saya ingin merujuk kepada kes *Zainal bin Hashim* yang membincangkan, antara lain, mengenai pemakaian peruntukan proviso tambahan tersebut. Privy Council dalam kes tersebut, telah memutuskan antara lain, seperti berikut di ms 276:

> In this case the legislature clearly intended to give retrospective effect to the amendment and to secure that no action started after Merdeka Day, ... should succeed on the ground that the power to dismiss had not been exercised by someone with power to appoint ... .

Adalah disimpulkan di sini bahawa Ketua Polis Perak mempunyai kuasa yang diwakilkan kepadanya secara sah oleh suruhanjaya perkhidmatan polis untuk membuang kerja pemohon, justeru itu tindakan pembuangan kerja itu adalah sah dari segi undang-undang.

Atas alasan-alasan yang telah dihuraikan, saya memutuskan bahawa keputusan buang kerja yang dibuat oleh Ketua Polis Perak adalah teratur dan sah. Permohonan pemohon adalah dengan ini ditolak dengan kos.

Permohonan ditolak.

Dilaporkan oleh Benjamin Yong